

Projek pembangunan di KL perlu seiring dasar kerajaan

KPKT digesa buat hebahan setiap bulan babit projek di bandar utama

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pelaksanaan projek pembangunan di seluruh negara, khususnya di ibu kota perlu seiring dengan dasar kerajaan iaitu yang mengutamakan kepentingan rakyat kebanyakan, bukannya golongan kaya semata-mata.

Justeru, Perdana Menteri mengesakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya membuat hebahan setiap bulan ke atas semua projek pembangunan besar, khususnya pembinaan rumah mampu milik yang akan dibina di semua bandar raya utama di seluruh negara.

Beliau berkata, biarpun dasar jelas itu sudah menjadi pendirian kerajaan sejak 2022, hasil dasar yang diumumkan itu perlu benar-benar dirasakan dan sudah mula dimanfaatkan oleh rakyat, khususnya golongan paling memerlukan.

"Dalam rancangan pembangunan, kita kurang beri penekanan kepada projek yang memberi faedah kepada majoriti rakyat. Tanggungjawab kerajaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam meluluskan projek perlu beri penekanan kerana jumlah yang tunggu untuk mendapatkan rumah yang munasabah, mampu milik, yang memenuhi selera dan kepentingan rakyat itu sangat ramai.

"Sebab itu dalam dasar kerajaan, saya sudah katakan mana-mana projek rumah swasta yang mahu dibangunkan, jangan dihalang. Kerja kita mempercepatkan. Siapa mampu dia beli, mahal pun mahallah.

"Tetapi harus ada dasar yang



Anwar diiringi Kor Ming melihat model rumah contoh pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Belia MADANI dan Rumah Mampu Milik di Padang Bola Sepak PPR Batu Muda Mukim Batu, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

jelas dalam kalangan pemerintah dan pegawai, penjawat awam untuk beri penekanan hal ini (keutamaan rumah mampu milik). Kalau tidak pembangunan yang (diluluskan hanya) menyebabkan kelompok yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Belia MADANI dan Rumah Mampu Milik di Mukim Batu, Kuala Lumpur, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Mohd Nizam Jaffar serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff.

Projek pembangunan Rumah Belia MADANI membabitkan pembinaan satu blok 25 tingkat menempatkan 1,048 unit kediaman berkeluasan 400 kaki persegi bagi jenis studio dan 550 kaki persegi bagi unit dua bilik dan satu bilik air.

Kediaman itu turut dilengkapi lima unit pengemas kenderaan

elektrik, dewan serbaguna, surau, dobi dan gerai, dengan tempoh pembinaan selama 48 bulan sehingga 2030.

Pembinaan 3 blok kediaman

Sementara bagi projek rumah mampu milik, ia membabitkan pembinaan tiga blok kediaman menempatkan 1,996 unit berkeluasan 820 kaki persegi dan memiliki tiga bilik serta dua bilik air.

Projek usaha sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini turut dilengkapi kolam renang, gimnasium, gelanggang Pickle Ball dan bola jaring, taska, tadika, dobi dan surau.

Mengulas lanjut, Anwar juga mahu projek memperbaiki dan membangunkan semula Flat Sri Perlis di ibu negara dilaksanakan segera.

"Tidak akan ada ketenangan sosial kalau masalah kegelisahan ini berterusan. Mahu makan mahal, gerai cari makan tak ada, kalau ada tak bersih, rumah tak cukup, kalau ada macam (Flat) Sri Perlis, sejak 1960-an keadaan tak berubah. Bila kita mahu baik ada yang bantah.

"Tak apa tak ada mercu tanda, saya tak peduli, saya bangga ma-

sa Anwar (jadi Perdana Menteri) rumah rakyat, gerai diperbaiki, itu yang saya mahu. Saya tak fikir wajar kita layan pandangan meleset (yang membantah ini), kita harus tumpu bangunan negara ini," katanya.